



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2024

**KEBENARAN BEKERJA DARI RUMAH KEPADA STAF FAKULTI SAINS BUMI,
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KAMPUS JELI**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Fakulti Sains Bumi (FSB), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli mengenai kebenaran bekerja dari rumah berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 1/2024 (Kali ke-285) bertarikh 11 Januari 2024.
2. Kebenaran bekerja dari rumah ini adalah ekoran daripada kerosakan pada kabel elektrik menghala ke Bangunan FSB dan Bangunan Perpustakaan disebabkan oleh tanah runtuh yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik di Bangunan FSB, Bangunan Perpustakaan dan kawasan Pengajaran dan Pembelajaran Agro Techno Park baharu di UMK Kampus Jeli pada 9 Januari 2024.
3. Sehubungan dengan itu, semua staf di FSB adalah dibenarkan untuk bekerja dari rumah bermula 11 Januari 2024 sehingga kerja-kerja pembaikan selesai dan bekalan elektrik pulih sepenuhnya. Namun begitu, staf adalah diperlukan hadir secara fizikal ke kampus sekiranya terdapat arahan daripada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) dan boleh menggunakan ruang di Pejabat Bahagian Pentadbiran Kampus Jeli.
4. Kerjasama daripada semua pihak berhubung perkara ini amatlah diharapkan bagi memastikan kualiti perkhidmatan di UMK tetap dapat disampaikan dengan lancar dan berkesan kepada semua pihak berkepentingan. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau dan merekod kehadiran serta tugasan staf sepanjang tempoh berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

11 JANUARI 2024

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Dekan Fakulti Sains Bumi
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab